



## **LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (PENDANDAN RAMBUT) KOTA KINABALU, 1966**

### **JENIS-JENIS LESEN**

- Salon mendandan rambut (unisex)
- Barber

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- Melengkapkan Borang Permohonan Lesen Berniaga dan Lesen DBKK .
- Berusia 18 tahun ke atas, penduduk tempatan/tetap negeri Sabah atau memiliki pas kerja bagi penduduk Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagi warganegara asing hendaklah melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki pas kerja.
- Mengemukakan pelan pengubahsuaian premis kepada Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKK untuk kelulusan dan mendapat sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
- Pemohon dan pekerja mestilah menjalankan pemeriksaan kesihatan dan memiliki sijil kesihatan sebelum lesen dikeluarkan .
- 50% daripada pekerja di dalam kedai gunting rambut tersebut hendaklah berasal dari Negeri Sabah.
- Menyediakan Peti kecemasan, tong sampah yang mempunyai penutup untuk membuang potongan rambut, bekas yang sesuai untuk merebus dan mendidihkan tuala-tuala yang telah digunakan, basin cuci (wash basin) dan sabun yang mencukupi dan sekurang-kurangnya satu unit alat pemadam api yang telah diluluskan oleh Jabatan Bomba .
- Sistem pencahayaan dan pengudaraan Sistem paip dan saliran air hendaklah dipasang mengikut pelan yang telah diluluskan dan sentiasa dalam keadan bersih.
- Aktiviti mengurut dan menjual minuman keras tidak dibenarkan di dalam salon tersebut.
- Pemasangan petak-petak (partition) atau langsir tidak dibenarkan untuk memisahkan kerusi-kerusi mendandan.
- Sisa air yang dikeluarkan di unit penghawa dingin hendaklah disalurkan melalui saluran paip ke perparitan sediada yang diluluskan. Saluran paip hendaklah disimenkan di dalam konkrit lantai kaki lima (jika perlu melalui kawasan kaki lima).
- Semua sisa air di singki hendaklah disalurkan ke sistem pembentungan (sewerage manhole) sedia ada melalui paip sekurang-kurangnya berdiameter  $2 \frac{1}{2}$  inci dan hendaklah disimenkan di dalam konkrit dengan sempurna supaya tidak terdedah.
- Sebarang bilik rawatan (treatment room) hendaklah tidak berpintu hanya langsir dibenarkan. Ketinggian dinding pada bilik rawatan tersebut hendaklah tidak lebih dari tujuh kaki (7" - 0") tinggi dari paras lantai.
- Ruang mencuci rambut hendaklah dilengkapkan dengan "hair strainer" supaya rambut dapat ditapis.
- Pemohon tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan sebelum lesen dikeluarkan.

## DOKUMEN SOKONGAN

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERSEORANGAN / PERKONGSIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan pemohon
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini
6. Salinan sijil mendandan rambut

**Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal**

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI SDN.BHD / BERHAD ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan bagi pengurus
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Borang 49 dan Borang 9
6. Pas Kerja sekiranya pemohon bukan penduduk tetap Negeri Sabah
7. Suratuasa dari syarikat bagi Pengurus yang dilantik, sekiranya pengurus adalah bukan salah satu pengarah syarikat.
8. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini
9. Salinan sijil mendandan rambut

**Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Jaksa Pendamai / Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal, manakala Borang 9 Dan 49 Yang Disahkan Oleh Setiausaha Syarikat.**

## KADAR BAYARAN LESEN

UNISEX SALON	RM30.00 /SATU KERUSI SEBULAN
BARBER	RM30.00 /SATU KERUSI SEBULAN

Dewan Bandaraya  
Kota Kinabalu

